Z-DRIVE ASSIST
Motor Kemalangan Persendirian

ZURICH

KENYATAAN PENTING

Sila baca dokumen ini dengan teliti dan hubungi **Kami** jika **Anda** memerlukan penerangan lebih lanjut.

Kenyataan sejajar dengan Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013

Polisi ini dikeluarkan sejajar dengan premium yang ditentukan dalam **Jadual** Polisi dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam borang cadangan (atau semasa **Anda** membuat permohonan insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh pihak **Anda** pada atau semasa penyerahan borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang **Anda** berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara **Anda** dan pihak **Kami.** Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata pada pra-kontrak berhubung dengan jawapan **Anda** atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh **Anda**, hanya remedi yang terdapat dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan diguna pakai.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara **Anda** dan pihak **Kami**.

DEFINISI

Terdapat beberapa perkataan tertentu yang ditakrifkan seperti yang di bawah. Perkataan ini mempunyai maksud yang sama apabila digunakan dalam Polisi ini. Perkataan ini telah **ditebalkan** dan bermula dengan huruf besar (contoh: **Orang Yang Diinsuranskan**, **Anda**)

ATM
bermaksud mesin automatik juruwang iaitu mesin berkomputer yang menguruskan wang tunai dan perkhidmatan dan kemudahan perbankan yang lain.

ATM Rompakan
bermaksud melakukan atau percubaan untuk melakukan kecurian dengan menggunakan keganasan, ketakutan atau ancaman kekerasan, secara sukarela menyebabkan atau cuba menyebabkan kematian, kecederaan atau kawalan yang salah, atau meletakkan seseorang dalam keadaan ketakutan atau kematian dengan segera, atau kecederaan segera, atau kawalan sekatan segera yang salah.

Barangan Peribadi
bermaksud beg tangan, dompet, telefon bimbit, cermin mata, cermin matahari, kamera, barang kemas, jam tangan, kad pengenalan diri, pasport, lesen memandu, kad kredit/debit/ATM, kad akses untuk kemasukan ke bangunan/tempat letak **Kereta** yang boleh dinilai secara monetari, (tidak termasuk wang tunai) yang dimiliki oleh **Anda** dan berada dalam simpanan **Anda** pada masa **Kecurian Ragut**.

Cukai
bermaksud sebarang cukai, levi atau duti langsung atau tidak langsung, masa kini atau masa depan, termasuk cukai penggunaan atau sebarang cukai sepertinya yang dikenakan ke atas barangan dan perkhidmatan oleh kerajaan atau pihak berkuasa cukai.

Dokumen Identiti
bermaksud kad pengenalan pendaftaran kebangsaan (NRIC), pasport dan/atau lesen memandu.

Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal
bermaksud hilang upaya yang disebabkan semata-mata secara langsung dan bebas daripada semua sebab lain kecuali akibat **Kecederaan Badan** serta berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan berturut-turut dan menghalang **Anda** secara sepenuhnya daripada melakukan sebarang pekerjaan untuk seumur hidup dan yang mana tiada harapan untuk sembuh.

Hospital
bermaksud pertubuhan yang ditubuhkan dan didaftarkan sewajarnya sebagai hospital untuk penjagaan dan rawatan orang yang sakit dan cedera sebagai pesakit berbayar, dan yang:

i. mempunyai kemudahan untuk diagnosis dan pembedahan utama;
ii. menyediakan khidmat kejururawatan dua puluh empat (24) jam sehari oleh jururawat yang berdaftar dan berkelayakan;
iii. di bawah penyeliaan **Pengamal Perubatan**; dan
iv. bukan klinik, tempat untuk orang ketagih alkohol dan dadah, pusat jagaan atau rumah pemulihan atau rumah orang tua atau pertubuhan yang serupa.

Jadual
bermaksud **Jadual** Polisi yang mengandungi butir-butir **Anda**, jumlah yang dilindungi dan **Tempoh Insurans**. **Jadual** Polisi membentuk sebahagian daripada Polisi ini.

Kami
merujuk kepada Zurich General Insurance Malaysia Berhad yang mengeluarkan **Anda** Polisi ini.

Keadaan Sedia Ada
bermaksud ketidakupayaan yang sewajarnya diketahui oleh **Anda** sebelum tarikh mula **Tempoh Insurans**. **Anda** dianggap wajar mengetahui tentang keadaan sedia ada itu apabila:

i. **Anda** telah atau sedang menerima rawatan;
ii. nasihat perubatan, diagnosis, penjagaan atau rawatan telah diberikan atau dicadangkan;
iii. gejala yang jelas dan ketara dapat atau telah dilihat; atau
iv. **Anda** mengetahui kewujudannya yang mana adalah jelas kepada orang yang berfikiran waras.

Kecederaan Badan
bermaksud kecederaan yang disebabkan oleh **Kejadian** yang tidak disengajakan secara tunggal dan langsung dan tidak termasuk kecederaan yang diakibatkan oleh sebarang penyakit, kesakitan atau masalah kesihatan.

Kehilangan Penggunaan
bermaksud kehilangan upaya fungsian secara menyeluruh dan kekal dan dianggap sebagai kehilangan seluruh anggota badan atau organ tersebut dan bukan dari segi ketidakupayaan profesional atau pekerjaan **Anda**.

Kecurian Ragut
bermaksud tindakan mencuri atau percubaan mencuri daripada **Anda** termasuk merebut ragut, situasi di mana **Barangan Peribadi Anda** dan **Dokumen Identiti** dirampas, atau percubaan meragut semasa **Anda** berjalan sebagai pejalan kaki atau semasa **Anda** memandu atau menunggang sebarang kenderaan.

Kehilangan Penglihatan
bermaksud kehilangan penglihatan yang tidak dapat dipulihkan secara keseluruhan dan kekal.

Kejadian
sebarang peristiwa yang boleh menyebabkan tuntutan di bawah Polisi ini. Untuk Seksyen 2, peristiwa bermaksud memberikan sumber bantuan kepada **Kerosakan.**

Kemalangan
bermaksud **Kejadian** yang berlaku secara tiba-tiba, tidak dijangka dan secara kebetulan tanpa diduga dan yang menyebabkan kematian, hilang upaya atau **Kecederaan Badan** semasa dalam **Tempoh Insurans.**

Kereta
bermaksud kenderaan motor yang mana nombor pendaftaran dinyatakan di dalam **Jadual.**

Kerosakan
bermaksud keadaan di mana **Kereta** tidak boleh dipandu disebabkan oleh kerosakan mekanikal, elektrikal atau sebab lain, dan bukannya disebabkan oleh kemalangan, kecurian, kerosakan disebabkan api, banjir, ribut taufan atau niat jahat.

Ketidakupayaan
bermaksud keuzuran, kesakitan, penyakit atau **Kecederaan Badan** yang timbul daripada satu (1) punca atau siri punca yang berterusan.

MOHA
bermaksud Kementerian Dalam Negeri (Ministry of Home Affairs).

OFAC
bermaksud Pejabat Kawalan Harta Asing (Office of Foreign Assets Control).

Orang Yang Diinsuranskan
bermaksud pemandu dan/atau penumpang-penumpang yang dibenarkan oleh **Pemilik** Polisi untuk naik dan turun di dalam perjalanan **Kereta.**

Pemilik Polisi /Anda
bermaksud Pemilik Polisi dan pemilik sah **Kereta** seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual.**

Pengamal Perubatan
bermaksud pengamal perubatan berdaftar yang layak dan berlesen:
i. untuk mengamalkan perubatan barat dan yang, semasa memberikan rawatan tersebut, mengamalkannya mengikut skop pelesenan dan latihannya di bawah mana-mana undang-undang yang terpakai dalam kawasan amali geografi, dan
ii. tidak termasuk **Anda** atau ahli keluarga terdekat **Anda**, contoh adik-beradik, suami/isteri, anak atau ibu bapa.

Peperangan
bermaksud suatu aktiviti kekerasan antara dua (2) atau lebih negara, yang dijalankan bagi sebarang tujuan, atau konflik bersenjata antara kuasa berdaulat, atau permusuhan terbuka yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan dan permusuhan terbuka atau keadaan negara di mana terdapat gangguan perhubungan aman, dan perbalahan umum menggunakan kekerasan, yang kedua-duanya dibenarkan dan tidak dibenarkan oleh pemerintahnya.

Perlu Dari Segi Perubatan
bermaksud khidmat perubatan yang:
i. selaras dengan diagnosis dan rawatan perubatan biasa bagi **Kejadian** yang dilindungi;
ii. menurut piawai amalan perubatan yang baik, selaras dengan piawai semasa bagi rawatan perubatan profesional, juga dengan manfaat kesihatan yang sah;
iii. bukan untuk kemudahan **Anda** atau **Pengamal Perubatan**, dan tidak dapat diperoleh sewajarnya di luar **Hospital** (jika dimasukkan ke wad sebagai pesakit dalam);
iv. bukan berbentuk eksperimen, penyelidikan atau kajian, pencegahan atau penyaringan; dan
v. yang bayarannya berpatutan, munasabah dan biasa bagi rawatan itu.

RM
bermaksud dalam Ringgit Malaysia; mata wang Malaysia.

Tarikh Mula
bermaksud tarikh perlindungan insurans di dalam **Polisi** ini mula berkuat kuasa seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual.**

Tempoh Insurans
bermaksud tempoh masa Polisi seperti yang dinyatakan dalam **Jadual** Polisi**.**

UNSC
bermaksud Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Security Council).

Wang Tunai
bermaksud wang dalam bentuk mata wang fizikal, seperti wang kertas dan duit syiling.

SYARAT-SYARAT

Polisi ini dan **Jadua**l dikehendaki dibaca bersama-sama sebagai satu kontrak dan sebarang perkataan atau ekspresi yang mempunyai maksud spesifik dan menjadi sebahagian daripada Polisi ini atau **Jadual** mempunyai maksud spesifik di mana yang tertera.

1. MOTOR INSURANS/TAKAFUL KERETA PERSENDIRIAN YANG SAH

Kereta-kereta yang disenaraikan dalam **Jadual** mesti mempunyai perlindungan motor insurans/takaful yang sah untuk layak mendapat manfaat Polisi. Sekira berlakunya **Kemalangan**, Polisi ini tidak akan berkuat-kuasa jika **Kereta** tidak mempunyai perlindungan motor insurans/takaful yang sah.

2. PENGUBAHAN

Kami berhak untuk meminda mana-mana premium, terma dan syarat Polisi ini dengan alasan yang sewajarnya dan sebarang perubahan kepada Polisi ini adalah sah jika dibenarkan oleh **Kami** dan diendorskan ke atasnya. Sekiranya perubahan ini dilaksanakan, **Kami** akan memberikan notis bertulis kepada alamat terakhir **Anda** yang diketahui dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pengubahan syarat dan terma Polisi.

3. PENIMBANGTARA

Segala percanggahan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada seorang Penimbangtara yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bercanggah. Jika kedua-dua pihak tidak dapat bersetuju tentang siapa yang menjadi Penimbangtara dalam tempoh satu (1) bulan selepas mereka diperlukan secara bertulis berbuat demikian, kedua-dua pihak berhak untuk melantik seorang Penimbangtara masing-masing yang akan mendengar penjelasan bersama dengan seorang Pengadil yang dilantik oleh kedua-dua Penimbangtara. Bagaimanapun, ini tertakluk kepada syarat bahawa sebarang penolakan tanggungan oleh **Kami** terhadap sebarang tuntutan di bawah Polisi ini mesti dirujuk kepada seorang Penimbangtara dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar daripada tarikh penolakan tanggungan tersebut.

4. PENAMATAN AUTOMATIK

Polisi akan tamat secara automatik pada tarikh **Kejadian-kejadian** berikut, yang mana lebih awal:

i. pada tarikh Polisi ditamatkan;
ii. pada tarikh tuntutan dibuat ke atas Manfaat A atau Manfaat B dari Seksyen 1;
iii. pada tarikh pembaharuan jika **Anda** gagal membayar premium yang diperlukan.

5. PEMBATALAN

Kami boleh memberikan notis bertulis tujuh (7) hari tentang hasrat **Kami** untuk menamatkan Polisi ini dengan alasan yang sewajarnya melalui surat berdaftar ke alamat terakhir **Anda** yang diketahui, dan sebahagian daripada premium berkaitan dengan **Tempoh Insurans** yang belum tamat akan dipulangkan. Pada masa yang sama, **Anda** boleh, pada bila-bila masa membatalkan Polisi ini dengan memberikan notis bertulis tujuh (7) hari, dan **Kami** akan menyimpan premium yang dikira pada skala kadar pro-rata bagi tempoh Polisi telah berkuatkuasa.

6. TUNAI SEBELUM PERLINDUNGAN

Ia adalah syarat khas dan mutlak bagi Polisi ini bahawa premium yang hendaklah dibuat dan diterima oleh **Kami** sebelum Polisi ini berkuatkuasa.

7. PERTUKARAN ALAMAT ATAU SEBARANG MAKLUMAT

Pemilik Polisi hendaklah memberikan notis bertulis dengan segera kepada **Kami** sekiranya terdapat sebarang perubahan maklumat pekerjaan, perniagaan, tugas atau hobi **Pemilik Polisi** atau **Anda** dan membuat premium tambahan yang mungkin akan dikenakan oleh **Kami**. Sebelum setiap pembaharuan Polisi dilakukan, **Pemilik Polisi** mesti memberitahu **Kami** secara bertulis sekiranya terdapat sebarang kecederaan, kesakitan, kecacatan fizikal atau kelemahan fizikal dimana **Pemilik Polisi** telah sedar atau pun sedang atau telah mengalami.

8. BAYARAN TUNTUTAN

Bayaran Tuntutan adalah seperti yang dinyatakan dalam **Jadual**.

9. KLAUSA PURATA

Jika jumlah penumpang termasuk pemandu melebihi kapasiti tempat duduk **Kereta** seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual** semasa kemalangan, liabiliti pihak **Kami** ke atas setiap orang akan dibahagikan mengikut kadar jumlah penumpang yang sebenar.

10. PROSEDUR TUNTUTAN

Apabila berlaku sebarang tuntutan di bawah Polisi ini:

i. Notis bertulis yang menyatakan butir-butir tuntutan hendaklah diberikan kepada **Kami** dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh **Kejadian** yang menyebabkan tuntutan sedemikian;
ii. **Anda** hendaklah mendapatkan dan bertindak atas nasihat **Pengamal Perubatan** yang wajar dengan secepat mungkin;
iii. Segala dokumen, maklumat dan keterangan yang diperlukan oleh **Kami** mestilah disediakan atas perbelanjaan pihak penuntut dalam bentuk yang ditetapkan oleh **Kami**;
iv. Atas perbelanjaan **Kami, Anda** mungkin perlu menjalani pemeriksaan perubatan lanjut jika diperlukan **Kami**;
v. Sekiranya berlaku kematian, **Kami** berhak untuk meminta pemeriksaan bedah siasat dijalankan atas perbelanjaan **Kami** dan di mana boleh notis hendaklah diberikan kepada **Kami** sebelum pengebumian atau pembakaran mayat, menyatakan tempat dan masa untuk sebarang perbicaraan penyiasatan yang akan diadakan.

11. SYARAT SEBELUM TANGGUNGJAWAB

Sebagai syarat sebelum **Kami** menerima sebarang tanggungan, **Anda** dan setiap **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah mematuhi dan memenuhi peraturan-peraturan, peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat Polisi ini dengan sewajarnya dan sejauh mana ia melibatkan sebarang perkara yang perlu dilakukan dan dipatuhi.

12. MATA WANG DAN KADAR PERTUKARAN

i. Semua bayaran yang dibuat hendaklah dalam Ringgit Malaysia (**RM**).
ii. Semua premium yang dibuat hendaklah dalam Ringgit Malaysia (**RM**).
iii. Sekiranya **Anda** dimasukkan ke dalam **Hospital** dan/atau menerima rawatan perubatan di luar Malaysia serta bil rawatan tersebut bukanlah dalam nilai Ringgit Malaysia (**RM)**, **Kami** akan membayar balik dalam nilai Ringgit Malaysia (**RM**) berdasarkan kadar pertukaran mata wang asing (Kadar pertukaran terbuka sekiranya di pasaran bebas, dan pada kadar pertukaran rasmi sekiranya bukan dalam pasaran bebas) pada tarikh **Anda** keluar dari **Hospital**.

13. KEWAJIPAN PENDEDAHAN

Kontrak Insurans Pengguna - Apabila **Anda** telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan **Anda**, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) seperti contoh, **Anda** perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans **Anda** selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. **Anda** juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang **Anda** tahu akan mempengaruhi keputusan pihak **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **Anda** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

Kontrak Insurans Bukan Pengguna - Apabila **Anda** telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang **Anda** tahu yang akan mempengaruhi keputusan **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans **Anda**.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **Anda** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

14. UNDANG-UNDANG YANG BOLEH DIPAKAI

Sebarang pentafsiran Polisi ini berkaitan dengan pembinaannya, kesahan atau operasi hendaklah ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

15. SALAH NYATA ATAU KETINGGALAN FAKTA PENTING

Polisi ini adalah batal jika:

(a) sebarang jawapan, pendedahan atau pernyataan yang **Anda** berikan, sebelum kontrak insurans ini dimeterai, diubah atau diperbaharui, dalam atau kepada mana-mana cadangan atau perakuan atau pernyataan, yang dibuat secara sengaja atau melulu dari segenap segi; atau

(b) sebelum kontrak insurans ini dimeterai, diubah atau diperbaharui, **Anda** gagal mendedahkan apa-apa fakta yang **Anda** ketahui yang berkaitan dengan keputusan **Kami** untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan; atau

(c) apa-apa tuntutan yang dibuat berbentuk penipuan atau ditokok-tambah, atau sebarang perakuan atau kenyataan palsu dibuat untuk menyokong tuntutan tersebut.

16. TIDAK BOLEH MENYERAH HAK

Polisi ini tidak boleh diserah hak dan **Kami** tidak akan mengiktiraf atau mengambil kira sebarang caj amanah, lien atau penyerahan hak berkaitan dengan Polisi ini. Sebarang penerimaan atau pelepasan yang diberikan oleh **Pemilik Polisi** atau wakil sah di sisi-sisi undang-undang kepada **Kami** untuk apa-apa jumlah yang dilindungi atau pampasan di bawah Polisi ini akan dianggap pelepasan muktamad dan sepenuhnya bagi semua tanggungan **Kami** terhadap sebarang dan setiap kecederaan atau kejadian luar jangka (termasuk kematian) yang dialami oleh **Anda** disebabkan tuntutan sama ada yang berlaku sebelum atau selepas tarikh penerimaan atau pelepasan tersebut.

17. NOTIS

Setiap notis atau komunikasi kepada **Kami** hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada **Kami**. Perubahan kepada terma Polisi ini, atau sebarang pengendorsan kepadanya, tidak akan dianggap sah kecuali ditandatangani atau diparap oleh wakil sah **Kami.**

18. CUKAI

bermaksud sebarang cukai, levi atau duti langsung atau tidak langsung, masa kini atau masa depan, termasuk cukai penggunaan atau sebarang cukai sepertinya yang dikenakan ke atas barangan dan perkhidmatan oleh kerajaan atau pihak berkuasa cukai.

19. PENAFSIRAN POLISI

Mengikut kesesuaian konteks, perkataan yang merujuk kepada nombor tunggal hendaklah termasuk kata gandaan dan sebaliknya dan perkataan yang merujuk jantina lelaki hendaklah termasuk wanita dan jantina neuter dan perkataan yang merujuk kepada perseorangan hendaklah termasuk badan korporat.

20. HAD WILAYAH

Malaysia, Singapura dan Brunei.

21. SEKATAN

Tidak tertakluk mana-mana terma lain di bawah perjanjian ini, **Kami** tidak akan memberi perlindungan atau membuat apa-apa bayaran atau memberikan apa-apa perkhidmatan atau manfaat kepada **Anda** atau pihak lain setakat perlindungan, pembayaran, perkhidmatan dan manfaat yang mana akan melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan sekatan perdagangan atau ekonomi yang berkenaan di bawah sekatan rejim **UNSC, MOHA** dan **OFAC**.

PENGECUALIAN AM (berkaitan dengan seluruh Polisi)

Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap tuntutan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau berpunca daripada:

1. Kesakitan, penyakit atau **Keadaan Sedia Ada**;
2. Kehilangan atau **Kecederaan Badan** disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau separa kepada **Orang Yang Diinsuranskan** disebabkan **Orang Yang Diinsuranskan** memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah, kecuali dadah tersebut diambil atas arahan **Pengamal Perubatan** dengan syarat arahan tersebut bukan untuk merawat ketagihan dadah. Pemandu akan didapati tidak dapat mengawal **Kereta** dengan sewajarnya jika selepas toksikologi atau ujian setara dengannya, ia menunjukkan bahawa tahap alkohol di dalam nafas, darah atau air kencing lebih tinggi daripada had yang ditetapkan menurut Seksyen 45G (1) Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020 daripada 50mg alkohol di dalam 100ml darah (atau setara bagi nafas atau air kencing) atau apa sahaja undang-undang yang sedang berkuat kuasa pada masa itu;
3. Kehamilan, sebarang gangguan perubatan dan tidak siuman kecuali disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh **Kemalangan** kepada **Orang Yang Diinsuranskan**;
4. Pembunuhan atau serangan akibat provokasi, sengaja mencederakan diri sendiri, membunuh diri atau cuba membunuh diri atau sebarang percubaan untuk berbuat demikian sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman;
5. Sengaja mendedah kepada bahaya yang luar biasa (kecuali dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa manusia);
6. Ketika **Kereta** digunakan untuk berlumba, pertandingan rali, perentak perlumbaan, ujian kelajuan atau digunakan untuk tujuan berkaitan dengan perdagangan motor;
7. Ketika **Kereta** digunakan untuk perniagaan yang menyalahi undang-undang dan sebagai pengangkutan yang tidak berlesen;
8. **Anda** atau pemandu tidak mempunyai lesen memandu yang sah untuk memandu **Kereta.** Ini tidak dikuatkuasakan sekiranya **Anda** atau pemandu memiliki lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan memiliki atau memperolehi lesen memandu di bawah undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan yang sedia ada;
9. Sebarang aktiviti jenayah atau aktiviti yang salah dari segi undang-undang;
10. Pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada **Peperangan** diisytiharkan atau tidak), pemberontakan, revolusi, kebangkitan, pemberontakan tentera atau rampasan kuasa;
11. Radiasi pengionan atau pencemaran oleh aktiviti radio dari sebarang bahan api nuklear atau dari sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk sebarang proses pembelahan nuklear sendiri.

MANFAAT

SEKSYEN 1: PERLINDUNGAN ASAS

(A) KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN

Sekiranya **Anda/Orang Yang Diinsuranskan** mengalami **Kecederaan Badan**, dan dalam tempoh dua belas (12) bulan yang berturut-turut menyebabkan kematian, **Kami** akan membayar amaun seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual**.

(B) HILANG UPAYA KEKAL AKIBAT KEMALANGAN

Sekiranya **Anda/Orang Yang Diinsuranskan** mengalami **Kecederaan Badan**, dan dalam tempoh dua belas (12) bulan yang berturut-turut menyebabkan mana-mana hilang upaya yang berikut, **Kami** akan membayar amaun seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual**.

(i) Kecederaan yang mengakibatkan terlantar sakit di katil secara kekal.
(ii) Sebarang kecederaan lain yang menyebabkan **Hilang Upaya Menyeluruh** dan **Kekal** disebabkan oleh **Kemalangan.**
(iii) **Kehilangan Penglihatan** atas satu (1) mata secera menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan.
(iv) **Kehilangan Penggunaan** atau pemisahan secara fizikal atas satu (1) tangan atau satu (1) kaki.

(C) PERBELANJAAN PERUBATAN AKIBAT KEMALANGAN

Sekiranya **Anda/Orang Yang Diinsuranskan** mengalami **Kecederaan Badan** dan menanggung perbelanjaan perubatan yang **Perlu Dari Segi Perubatan** dalam tempoh dua belas (12) bulan yang berturut-turut dari tarikh berlakunya **Kemalangan, Kami** akan membayar balik perbelanjaan yang dikenakan (termasuk laporan perubatan) bagi setiap orang dan setiap **Kemalangan** sehingga amaun maksimum seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual**.

Segala perbelanjaan perubatan dan pembedahan hendaklah dibayar kepada doktor gigi, **Pengamal Perubatan** atau **Hospital** untuk merawat **Kecederaan Badan.** Kos rawatan pergigian dikecualikan melainkan jika rawatan tersebut dijalankan bagi merawat kecederaan yang dialami oleh gigi yang asal.

(D) PENDAPATAN HARIAN HOSPITAL

Sekiranya **Anda** mengalami **Kecederaan Badan** dan disebabkan ini, dimasukkan ke **Hospital** sebagai pesakit dalam yang berdaftar, **Kami** akan membayar amaun harian yang dinyatakan di dalam **Jadual** bagi setiap hari ketika **Anda** dimasukkan ke **Hospital**. Tempoh maksimum yang dibayar di bawah manfaat ini ialah tiga puluh (30) hari bagi setiap **Kemalangan**.

(E) BANTUAN EHSAN KERETA

Kami akan mengatur **Kereta** gantian sementara (Bantuan Ehsan **Kereta**) mengikut hari yang dinyatakan di dalam **Jadual**. Jika tidak ada **Kereta** tersedia, **Kami** akan membayar balik sehingga RM110 sehari berdasarkan hari yang dipilih semasa **Kereta Anda** dibaiki dengan syarat-syarat berikut:

(i) Kerosakan **Kereta** anda secara tidak sengaja.
(ii) **Kereta Anda** sedang dibaiki di bengkel yang diluluskan oleh Syarikat Insurans/Pengendali Takaful **Anda** di bawah Polisi Insurans/Sijil Takaful **Kereta** Persendirian.

Sekiranya Bantuan Ehsan **Kereta** disediakan tetapi anda memilih untuk tidak menggunakan yang sama, **Anda** tidak akan berhak mendapat faedah lebih lanjut di bawah perlindungan ini. Perlindungan ini akan ditamatkan bila Polisi tamat tempoh atau Polisi dibatalkan.

(F) ELAUN KESUKARAN AKIBAT BANJIR

Sekiranya **Anda** mengalami daripada mana-mana **Kejadian** yang dilindungi seperti yang berikut akibat banjir semasa **Anda** dalam perjalanan menaiki **Kereta**, **Kami** akan membayar balik sehingga maksimum sub-had seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual**.

Apabila berlaku sebarang tuntutan, **Anda** dikehendaki menyediakan dokumen-dokumen seperti di bawah kepada **Kami**:

- Satu salinan laporan polis mengenai **Kejadian**;
- Resit asal bagi perbelanjaan yang telah ditanggung kepada **Kami**;
- Untuk Kos Pembersihan, gambar **Kereta** sebelum dan selepas penundaan dan kerja-kerja pembersihan perlu disediakan kepada **Kami**.

SYARAT-SYARAT KHAS YANG BERKENAAN DENGAN SEKSYEN 1

- Perlindungan dalam Seksyen 1 hanya sah apabila berlaku **Kemalangan** yang melibatkan **Kereta** semasa **Anda/Orang Yang Diinsuranskan** di dalam perjalanan masuk atau keluar dari **Kereta**.
- Manfaat A, B, dan C akan dibayar kepada **Orang Yang Diinsuranskan**, kecuali sekiranya berlaku kematian, manfaat akan dibayar kepada wakil peribadi sah si mati.
- Manfaat D, E dan F akan dibayar kepada **Pemilik Polisi** sahaja. Jika berlakunya kematian, manfaat D dan F akan dibayar kepada wakil peribadi sah **Pemilik Polisi.** Sekiranya **Pemilik Polisi** adalah sebuah entiti atau syarikat korporat, perlindungan akan dihadkan kepada **Orang Yang Diinsuranskan,** kecuali jika berlaku kematian, manfaat tersebut akan dibayar kepada wakil peribadi sah si mati.
- Sekiranya semasa **Kemalangan,** jumlah penumpang termasuk pemandu melebihi kapasiti tempat duduk yang dinyatakan di dalam **Jadual**, kadar limit liabiliti **Kami** bagi setiap orang akan dibayar mengikut jumlah sebenar penumpang.

SEKSYEN 2: PENUNDAAN KERETA DAN BANTUAN TEPI JALAN

Perkhidmatan hanya akan diberikan kepada **Kereta Anda** sekiranya berlaku **Kerosakan** semasa **Tempoh Insurans**. **Anda/Orang Yang Diinsuranskan** mesti menghubungi **Zurich Bantuan Tepi Jalan 24 jam Pusat Panggilan 1-300-88-5566** atau **+603-7989 0345** (untuk perbualan WhatsApp dan panggilan talian tempatan sahaja) untuk meminta perkhidmatan di bawah:

(A) KEROSAKAN KECIL DI TEPI JALAN

Jika **Kereta Anda** mengalami **Kerosakan** dan boleh dibaiki di tempat **Kejadian**, **Kami** akan mengaturkan dan membayar perkhidmatan kos buruh untuk membaiki **Kerosakan** sehingga maksimum satu (1) jam bagi setiap **Kerosakan. Kami** tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kos bagi menggantikan alat ganti dan peralatan lain yang diperlukan untuk pembaikan.

(B) KHIDMAT TUNDA KECEMASAN DISEBABKAN KEROSAKAN

Jika **Kereta Anda** mengalami **Kerosakan** dan tidak boleh dibaiki di tempat **Kejadian**, **Kami** akan membantu menunda **Kereta** tersebut ke bengkel pembaikan pilihan **Anda.** Sebarang bayaran tol akan ditanggung oleh **Anda/Orang Yang Diinsuranskan.**

HAD WILAYAH UNTUK PERKHIDMATAN A DAN B

- Perkhidmatan Pembaikan Tepi Jalan dan Penundaan Kecemasan terdapat di Malaysia sahaja.
- Di Semenanjung Malaysia, perkhidmatan tidak terdapat di Kepulauan, kecuali Pulau Pinang dan Langkawi.
- Di Malaysia Timur, perkhidmatan hanya terdapat di bandar-bandar besar dan Pulau Labuan.

(C) BANTUAN RUJUKAN PENGINAPAN HOTEL

Dalam kejadian **Kerosakan** atau **Kemalangan**, **Kami** akan membantu mendapatkan informasi penginapan hotel jika diminta berbuat demikian oleh **Anda/Orang Yang Diinsuranskan**.

(D) RUJUKAN ALTERNATIF BANTUAN PENGANGKUTAN

Jika **Anda/Orang Yang Diinsuranskan** terkandas disebabkan **Kereta Anda** tidak dapat dibaiki pada masa itu, **Kami** akan menolong mengaturkan pengangkutan alternatif untuk **Anda/Orang Yang Diinsuranskan** untuk meneruskan perjalanan jika diminta berbuat demikian.

(E) PENGHANTARAN MESEJ

Dalam keadaan kecemasan, **Kami** akan menghubungi pihak yang perlu dihubungi semasa kecemasan untuk disampaikan informasi yang perlu jika **Anda/Orang Yang Diinsuranskan** meminta **Kami** berbuat demikian. **Kami** tidak akan bertanggungjawab jika penerima tidak dapat dihubungi.

SYARAT-SYARAT KHAS BERKAITAN DENGAN SEKSYEN 2

Kami tidak akan bertanggungjawab atau memberi perkhidmatan atau menanggung sebarang kos dan perbelanjaan bagi keadaan seperti di bawah:

1. Perkhidmatan yang tidak diaturkan atau dikendalikan secara langsung oleh **Kami** atau pembekal perkhidmatan.
2. Menunda disebabkan oleh **Kemalangan** yang melibatkan **Kereta Anda**.
3. Nombor pendaftaran **Kereta Anda** tidak sama dengan nombor **Kereta** yang berdaftar dengan **Kami**.
4. **Kereta Anda** tidak memiliki cukai jalan yang sah.
5. Jika **Kereta Anda** mengalami kerosakan mekanikal dan tidak boleh dipandu di permukaan jalan yang tidak berturap atau di atas jalan yang selain daripada sistem jalan raya Malaysia.
6. Sebarang kos pembaikan atau penggantian alat ganti **Kereta** di bengkel pembaikan atau pusat servis.
7. Kos yang digunakan untuk bateri, minyak enjin atau bahan api.
8. Kos yang tidak berkaitan dengan bantuan kepada **Kereta**, contohnya tambang teksi atau penginapan.
9. **Kereta Anda** memerlukan penggunaan alatan khusus semasa pembaikan di tepi jalan atau proses tunda, di mana pada pendapat **Kami** atau pembekal perkhidmatan adalah sebagai berisiko tinggi dan/atau tidak boleh dilakukan.
10. Kunci **Kereta** tidak dijumpai atau terkunci dari dalam **Kereta**.
11. Kerosakan disebabkan oleh tiada bahan api atau penggunaan bahan api yang salah.
12. Tiada bahagian mekanikal pada **Kereta Anda**, contohnya tiada enjin atau transmisi.
13. Menunda mengikut arahan pihak undang-undang yang berkaitan dengan kesalahan trafik, pengabaian, meletakkan **Kereta** di tempat yang salah dan/atau menyalahi undang-undang.
14. Sebarang tindakan yang menyalahi atau melanggar undang-undang oleh **Anda/Orang Yang Diinsuranskan** atau **Kereta Anda**

digunakan untuk tujuan yang melanggar atau menyalahi undang-undang;

15. Jika **Kereta Anda** telah diubahsuai untuk penyertaan dalam lumba litar dan perlumbaan atau telah diubahsuai dan melanggar undang-undang kerajaan.
16. Kegagalan **Anda/Orang Yang Diinsuranskan** mengambil tindakan berjaga-jaga atau mematuhi amaran-amaran melalui media massa tentang apa-apa mogok, rusuhan atau kekecohan awam.
17. Menunda **Kereta Anda** apabila **Kereta** masih di dalam keadaan baik dan masih boleh dipandu.
18. Menunda atau membaiki motosikal, kenderaan komersial atau kereta persendirian untuk kegunaan komersial (termasuk penggunaan yang mengutip sewa & tambang atau membawa barang dagangan). Kami berhak untuk menolak pertolongan dan penundaan untuk kenderaan sedemikian.
19. Menunda **Kereta Anda** yang beratnya lebih besar daripada yang dibenarkan/ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam spesifikasi pengeluar.
20. Apabila permintaan khidmat tunda kedua bagi **Kereta** yang sama diminta untuk **Kejadian** yang sama.
21. Menunda **Kereta Anda** selepas dihantar untuk semburan cat.
22. Menunda **Kereta Anda** untuk tujuan dimusnahkan.
23. Menunda **Kereta Anda** keluar dari bengkel **Kereta**.
24. Menunda **Kereta Anda** yang telah dibongkar semua atau separuh darinya di dalam bengkel **Kereta** dengan atau tanpa persetujuan daripada **Anda/Orang Yang Diinsuranskan**.
25. Pengangkutan untuk **Anda/ Orang Yang Diinsuranskan** dengan **Kereta** untuk perkhidmatan servis atau dari **Kereta** ke destinasi lain selepas perkhidmatan telah diberikan.
26. Menunda **Kereta** curi yang telah dijumpai, ditinggalkan atau sebab vandalisme.
27. Menunda **Kereta Anda** disebabkan letupan api atau kilat.
28. Menunda **Kereta Anda** disebabkan banjir atau ribut taufan.

SEKSYEN 3: PERLINDUNGAN TAMBAHAN PILIHAN

Berikut adalah senarai pilihan perlindungan yang **Anda** boleh tambah ke atas **Polisi Anda** dengan membayar premium tambahan.

(A) PERLINDUNGAN KECURIAN RAGUT

Sekiranya **Anda** mengalami kerugian akibat **Kecurian Ragut**, **Kami** akan membayar balik sehingga maksimum seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual**, tertakluk kepada maksimum dua (2) **Kejadian** bagi mana-mana satu (1) **Tempoh Insurans**.

(B) ROMPAKAN ATM

Sekiranya **Anda** mengalami kerugian akibat **Rompakan ATM** dalam masa satu (1) jam selepas pengeluaran tunai **ATM** dari akaun bank **Anda**, **Kami** akan membayar balik sehingga maksimum seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual**, tertakluk kepada maksimum dua (2) **Kejadian** bagi mana-mana satu (1) **Tempoh Insurans**.

PENGECUALIAN KHAS YANG BERKAITAN DENGAN MANFAAT A DAN B DI BAWAH SEKSYEN 3

Kami tidak akan bertanggungjawab di atas perkara berikut:

- Sebarang kehilangan yang tidak dilaporkan kepada pihak polis dalam tempoh dua puluh empat (24) jam dari **Kejadian** tersebut
- Sebarang kehilangan secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh penyeluk saku, tindakan sengaja atau dengan niat jahat, kecuaian **Anda**, yang tidak dapat dijelaskan atau kehilangan secara kesilapan atau misteri.

(C) PENJAGAAN DENGGI

Sekiranya **Anda** didiagnosis demam denggi oleh **Pengamal Perubatan** dan menanggung perbelanjaan perubatan yang **Perlu Dari Segi Perubatan** bagi rawatan diagnosis tersebut, **Kami** akan membayar balik perbelanjaan sehingga amaun maksimum yang dinyatakan di dalam **Jadual**. Kelayakan bagi manfaat ini hanya akan bermula tujuh (7) hari selepas **Tarikh Mula.**

Perlindungan ini akan ditamatkan bila Polisi tamat tempoh atau Polisi dibatalkan.

PENTING

Anda hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan jika terdapat sebarang kesilapan atau salah tafsiran di dalamnya, atau jika perlindungan tidak mengikut kehendak **Anda**, **Kami** perlu diberitahu dengan serta-merta dan Polisi dikembalikan untuk diberi perhatian.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk ini dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM yang boleh didapati di laman web **Kami** www.zurich.com.my atau di laman web PIDM www.pidm.gov.my.

PROSEDUR UNTUK MEMBUAT ADUAN INSURANS

Kami sentiasa bersedia memberikan pengalaman perkhidmatan pelanggan yang terbaik. Jika **Anda** mempunyai sebarang aduan atau tidak berpuas hati berkaitan dengan sebarang produk atau perkhidmatan**, Kami** bersedia memberikan perhatian. **Anda** boleh menghubungi **Kami** di:

Zurich General Insurance Malaysia Berhad
Aras 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03 2109 6000
Faks: 03 2109 6888
Pusat Panggilan: 1 300 888 622
E-mel: callcentre@zurich.com.my

Alternatif Lain untuk Membuat Aduan

Jika **Anda** tidak berpuas hati dengan keputusan akhir **Kami**, **Anda** boleh menulis surat kepada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) (dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan) dengan butir-butir mengenai pertikaian dan maklumat Polisi **Anda**.

Jika keputusan FMOS memihak kepada **Anda** berbanding **Kami**, **Anda** hendaklah memaklumkan FMOS sama ada **Anda** menerima atau menolak bayaran dalam tempoh (14) empat belas hari. Jika **Anda** tidak setuju dengan bayaran tersebut, **Anda** boleh menolak keputusan FMOS. **Anda** bebas untuk memulakan tindakan mahkamah terhadap **Kami** atau merujuk kes kepada Penimbangtaraan.

FMOS boleh dihubungi di alamat berikut:

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan
(dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan)
No. Syarikat: 200401025885
Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur
Tel: 03 2272 2811
Laman web: www.fmos.org.my

Jika aduan **Anda** berada di luar bidang FMOS, **Anda** boleh menyatakan ketidakpuasan hati **Anda** kepada BNMLINK:

Secara Bertulis:
Bank Negara Malaysia
BNMLINK
4th Floor, Podium Bangunan AICB,
No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300-88-5465
bnm.gov.my/BNMLINK